

19/12/2003

Mahir bahasa Inggeris bukan bermakna antinasional

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Orang Melayu yang mampu menguasai bahasa Inggeris setanding kepetahan berbahasa Melayu tidak harus dilihat sebagai bukan nasionalis, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, satu-satu cara untuk menjadikan bahasa Melayu itu dikenali dan dihormati adalah mereka yang menggunakan bahasa itu mesti maju atau setanding dengan bangsa di negara maju.

"Untuk melakukan ini (berjaya setanding dengan Barat), mereka mesti sedia belajar bahasa pengetahuan sekarang, iaitu bahasa Inggeris. Jika mereka menghadkan diri mereka kepada bahasa Melayu, hampir pasti mereka tidak dapat membangun dan membina ketamadunan Melayu.

"Seseorang tidak boleh dianggap bukan nasionalis kerana belajar bahasa Inggeris selagi kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak diabaikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan ucapan pada penutupan persidangan antarabangsa mengenai bahasa dan pembangunan negara di Hotel JW Marriott Putrajaya, semalam.

Persidangan anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu dihadiri 300 pakar bahasa dari 20 negara. Hadir sama Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir; Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yasin dan pengerusi persidangan, Prof Datuk Dr Zawiah Yahya.

Ucapan Dr Mahathir itu yang pertama diberikan pada persidangan antarabangsa di negara ini sejak peletakan jawatan sebagai Perdana Menteri akhir bulan lalu.

Dr Mahathir menjelaskan bahasa Arab dan Inggeris digunakan meluas kerana kedua-duanya adalah elemen penting dalam pembangunan tamadun agung dunia.

Katanya, orang Arab berjaya menimba ilmu pengetahuan berikutan kesediaan cerdik pandai mereka belajar bahasa Greek dan bahasa lain..

"Ilmu yang diperoleh kemudian membolehkan mereka membina tamadun agung.

"Bangsa Eropah termasuk berbahasa Inggeris menimba ilmu kerana kesediaan mempelajari terjemahan Arab dan bahasa Arab.

"Orang Eropah mempelajari bahasa Arab bagi mendidik diri mereka, kemudian a membina tamadun agung.

"Justeru, tamadun Arab dan Eropah mendapat keuntungan daripada kesediaan mempelajari ilmu yang ada dalam bahasa lain," katanya sambil menambah, tidak mungkin bangsa Arab menerajui bidang sains dan matematik serta membina tamadun Islam agung jika mereka tidak mempelajari bahasa lain.

Dr Mahathir juga berkata, sudah menjadi budaya hari ini bagi seseorang yang mahu dilihat sebagai terpelajar, perlu fasih lebih daripada satu bahasa.